

Rakyat tidak hilang keyakinan

um - 21/3/2007

KUALA LUMPUR 20 Mac - Dakwaan pembangkang bahawa kerajaan gagal dalam menunaikan janjinya sehingga rakyat hilang keyakinan adalah suatu kenyataan yang tidak berasas dan ia hanya cakap-cakap politik.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz berkata, tuduhan yang dilemparkan sejak sekian lama menunjukkan pembangkang sudah ketandusan modal dalam mencari salah kerajaan.

Menurut beliau, adalah lebih baik sekiranya pihak pembangkang menumpukan perhatian kepada agenda pembangunan negara dan bekerja sekuat yang dilakukan kerajaan untuk memakmurkan tanah air.

"Kerajaan pimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah melaksanakan pelbagai usaha untuk membawa negara ke tahap pembangunan lebih tinggi," katanya ketika menjawab soalan asal Lim Kit Siang (DAP-Ipoh Timur)



MOHAMED NAZRI AZIZ

di Dewan Rakyat hari ini.

Kit Siang dalam soalnya meminta Abdullah mengemukakan laporan perkembangan janji pembaharuan kerajaan untuk tempoh 40 bulan dan bagaimana memulihkan keyakinan rakyat

yang kecewa dengan kegagalan kerajaan.

Menjawab soalan tambahan Kit Siang yang tidak berpuas hati kerana Abdullah tidak menjawab sendiri pertanyaan yang dikemukakan, Mohamed Nazri menjelaskan, sudah menjadi amalan kerajaan Barisan Nasional (BN) bahawa setiap menteri mempunyai tanggungjawab tertentu untuk menjawab soalan yang dikemukakan di Dewan Rakyat.

"Perdana Menteri percaya kepada saya untuk menjawab soalan. Beliau (Perdana Menteri) ada kerja lain.

"Bukan bermakna kalau beliau tidak hadir untuk menjawab soalan, beliau sudah jadi David Copperfield (pakar silap mata yang boleh menghilangkan diri).

"Pergi tengok diari beliau, Perdana Menteri ada banyak program lain. Dalam sistem kita (kerajaan BN), kita ada menteri tertentu yang dipertanggungjawabkan untuk menjawab," jelasnya.